

**Kata Kunci:**  
**Berlaku benar**  
**Kedustaan**  
**Syurga**



**Majlis Ugama Islam Singapura**

**Khutbah Jumaat**

**29 Ogos 2025 / 5 Rabiulawal 1447H**

**Berlaku Benar Sebagai Kunci Syurga**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِلْبِرِّ وَالْإِحْسَانِ، وَجَعَلَ فِي نَبِيِّهِ أَكْمَلَ قَائِدٍ لِلْإِنْسَانِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ. أَمَّا بَعْدُ،  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Jemaah yang dikasihi,**

Setiap Mukmin pasti rindu untuk menatap raut wajah Rasulullah s.a.w. Maka, biarlah rasa rindu untuk bertemu Baginda menjadi dorongan untuk kita bersungguh-sungguh dengan penuh kejujuran bertakwa kepada Allah, dengan melaksanakan perintah-Nya, dan menjauhi larangan-Nya.

**Saudaraku,**

Percayakah anda bahawa terdapat satu etika atau prinsip moral yang boleh menjamin **syurga** untuk kita? Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud:

*“Sesungguhnya **berlaku benar** membawa kepada kebaikan, dan kebaikan membawa kepada **syurga**. Dan seseorang itu akan terus **berlaku benar** sehinggalah dia dicatat di sisi Allah sebagai seorang yang sentiasa **berlaku benar**...”*

**Saudaraku yang dikasihi,**

Sesungguhnya sifat **berlaku benar** membentuk kehidupan seorang Mukmin secara keseluruhannya. Sifat ini menyuntik pengaruh positif pada cara seseorang berbicara dan berkelakuan; sama ada dalam atau luar pengetahuan manusia dan berinteraksi bersama makhluk Allah.

Jika berlaku benar dapat menjadi kunci kita ke **syurga** kelak, **pendustaan** pula bakal mengheret kita ke neraka. Ini sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w. dari hadis yang sama yang bermaksud:

“...Dan sesungguhnya **pendustaan** membawa kepada kekejian dan kekejian membawa kepada neraka. Dan seseorang itu akan terus **berdusta** sehinggalah dia dicatat di sisi Allah sebagai seorang yang kuat **berdusta**.” (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

**Saudaraku yang dikasihi,**

Seorang Mukmin pasti berusaha untuk **berlaku benar** dan menjadikannya ciri keperibadian utama sehingga dia dikenali kerananya. Pada masa yang sama, seorang Mukmin adalah

mereka yang berusaha menyingkirkan **pendustaan** daripada amalan hidup. Untuk mencapai matlamat ini, kita harus merenung dan menilai kembali sama ada **pendustaan** pernah wujud dalam kehidupan kita menerusi dua aspek berikut; iaitu pertuturan dan tingkah laku.

### **Pertama: Dalam pertuturan kita.**

**Pendustaan** dalam pertuturan boleh berlaku menerusi gejala memfitnah, menghina dan sebagainya. Terkadang juga, kerana bermotifkan gurauan dan jenaka, pertuturan yang berbaur **pendustaan** menjadi satu kebiasaan dalam perbualan kita.

### **Kedua: Dalam tingkah laku kita.**

**Pendustaan** dalam tingkah laku sering kali hadir dalam bentuk kemunafikan — yakni menzahirkan sesuatu gambaran yang baik dan menyembunyikan kekejian yang sebenar. Ia juga terkadang berlaku dengan mengkhianati amanah dan janji.

### **Saudara yang dirahmati,**

Kepentingan untuk **berlaku benar** semakin ketara pada zaman yang dikuasai oleh interaksi digital yang tidak bersempadan. Wadah digital; walaupun terdapat banyak kesan positif dan manfaatnya, tidak sunyi dari unsur negatif yang sering kali mengaburkan sempadan kepalsuan. Ia menjadi wadah menyebarkan kebencian, menjatuhkan orang lain, menampilkan

imej palsu dan banyak lagi. Ini juga merupakan satu lagi bentuk **pendustaan**.

Seorang Mukmin yang **berlaku benar** akan bersifat konsisten. Personanya tetap sama. Sama ada di alam digital atau sebaliknya, zahir atau batinnya, tetap menegakkan **kebenaran** dan kejujuran. Mengapa demikian saudara-saudara sekalian? Kerana seorang Mukmin sedar bahawa Allah melihat segala yang dilakukan, mendengar segala yang dituturkan dan mengetahui segala apa yang disembunyikan dari penglihatan.

Sekiranya kita ingin berkongsi maklumat dan pandangan di wadah digital, pastikanlah ia sesuatu yang bermanfaat kepada masyarakat, dan bukan sesuatu yang tidak berfaedah atau yang boleh menimbulkan kekeliruan dan kecelaruan. **Berlaku benarlah** dalam setiap perkongsian.

**Wahai Pencinta Rasulullah s.a.w. sekalian,**

Sebagai pencinta Rasulullah s.a.w., kita sentiasa **berlaku benar** dalam tutur kata mahupun kelakuan dan suara hati. Kita tidak akan sekali-kali bersekongkol dengan **pendustaan**. Kita hanya layak mengaku benar-benar mencintai Rasulullah s.a.w., sekiranya kita bersungguh-sungguh berusaha untuk **berlaku benar**, sepertimana yang ditunjukkan oleh Baginda s.a.w. Marilah kita hayati wahyu Allah kepada Baginda s.a.w. dalam Surah At-Tawbah, ayat 119:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ ﴿١١٩﴾

Yang bermaksud: “*Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah, dan (hendaklah) kamu bersama orang-orang yang **berlaku benar**.*”

Ya Allah, ampunilah kesilapan kami, masukkanlah kami ke syurga-Mu, agar kami dapat bertemu kekasih-Mu Nabi Muhammad s.a.w., dan agar kami dapat berhimpun bersama-sama para Nabi dan mereka yang **berlaku benar** dalam beriman kepada-Mu. Amin, ya Rabbal ‘Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْغَزِيرِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْ مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمَحَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي عَرَّةٍ وَفِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْنَهُمْ فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اكْتُبِ السَّلَامَ وَالسَّلَامَ وَالْأَمْنَ وَالْأَمَانَ

لِلْعَالَمِ كُلِّهِ وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً،  
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.